

## **Kesan Perceraian Ke Atas Kanak-Kanak: Perspektif Pekerja Sosial (Effect of Divorce on Children: Social Workers' Perspective)**

Nuraimirah Zainun<sup>1</sup>  
Norulhuda Sarnon @ Kusenin  
Nur Saadah Mohamad Aun

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor

<sup>1</sup>Corresponding e-mail:[ [p77878@siswa.ukm.edu.my](mailto:p77878@siswa.ukm.edu.my)]

Statistic shows that many divorce cases occur within the first five years of marriage that involved both spouses and children. These give a negative impact on the collapse of the family institution in Malaysia. Hence, this study is conducted to examine the psychosocial effects among children in divorced families. This study used qualitative approach and phenomenological design which involved ten social workers as informants. The results were obtained from the social workers' perspective only by using purposive sampling. Data of this study were analyzed using thematic analysis and Atlas.ti version 8 computer software. Results showed that there are three main effects which are (i) psychological; (ii) change in behavior and (iii) lack of financial resources. Changes from core family structure to single-parent family have led to these changes. These findings are expected to contribute for a better intervention among social workers to ensure the well-being of children and families in the future.

*Keywords:* psychosocial, children, emotion, financial, love

Keretakan sesebuah keluarga sememangnya boleh memberi kesan kepada wanita dan juga anak-anak. Selepas perceraian berlaku, bapa tidak bertanggungjawab terhadap anak-anak lagi (Roslina, Nurhidayah & Mohd Na'im, 2017). Rentetan itu, keluarga yang bercerai ini akan menghadapi masalah kewangan disebabkan pencari nafkah utama tidak tinggal bersama-sama. Oleh itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan salah satu badan organisasi yang menyediakan perkhidmatan kebajikan sosial (*social welfare*) kepada golongan yang memerlukan bantuan. Antara golongan sasarannya ialah golongan kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU), keluarga (termasuklah ibu tunggal), orang papa, mangsa bencana,

mangsa keganasan rumah tangga, pesalah muda, komuniti rentan dan mangsa pemerdagangan orang. Terdapat dua jenis bantuan yang disediakan oleh JKM kepada golongan sasaran iaitu bantuan berbentuk material dan bukan material. JKM menyediakan bantuan material berbentuk kewangan contohnya memberikan bantuan kanak-kanak kepada golongan ibu tunggal bagi menyara anak-anak. Manakala bantuan bukan material pula seperti memberikan sokongan sosial dan perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak dan ibu tunggal yang memerlukan.

Selain itu, JKM juga menyediakan Program Geran Pelancaran dan Program 1 Azam bagi meningkatkan sumber pendapatan bagi individu yang terlibat.

Melalui program ini, golongan ibu tunggal misalnya, dapat menceburi bidang baru yang bersesuaian dengan minatnya. Program ini adalah sangat bermanfaat dan efisien kerana dapat memperkasakan ekonomi ibu tunggal mengikut strategi Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal dalam tempoh tahun 2015-2020. Secara tidak langsung, ibu tunggal dapat mengurangkan kekangan masalah kewangan mereka bagi meneruskan kelangsungan hidup bersama anak-anak selepas bercerai (Siti Marziah Zakaria, Noremy Md Akhir, Nur Diyanah Hidayat & Nurul Shafini Shafuridin, 2018). Melalui program geran pelancaran ini, JKM bukan sahaja berperanan dalam menyediakan bantuan modal malahan turut memberikan latihan dan motivasi kepada golongan ibu tunggal yang menyertai program tersebut.

Golongan ibu tunggal ini dapat meningkatkan kemahiran dan menambahkan ilmu pengetahuan dalam usaha pemerkasaan ekonomi mereka ke tahap optimum (Siti Ruhani, 2016). Hal ini penting kerana keluarga yang mempunyai masalah kewangan boleh mempengaruhi tingkah laku delinkuen anak-anak. Perkara ini di buktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Azlina dan Suzila (2010) mendapati remaja daripada keluarga yang bercerai mempunyai masalah tingkah laku delinkuen.

Seterusnya pengkaji terdahulu seperti Zuria, Yee Pek, Rafidah, Amla dan Salleh (2011) telah menjalankan satu kajian mengenai proses kaunseling terhadap kanak-kanak yang menghadapi masalah perceraian ibu bapa. Hasil kajian mereka mendapati bahawa kesan perubahan keadaan selepas perceraian ibu bapa menyumbang kepada permasalahan emosi seperti tekanan dan kemurungan kepada kanak-kanak. Oleh itu, kajian mendapati bahawa bantuan kaunseling yang dijalankan dapat membantu kanak-kanak meluahkan perasaan dan emosi mereka. Secara tidak langsung, melalui sesi

kaunseling juga kanak-kanak dapat bertindak balas dengan krisis. Jelaslah bahawa keluarga yang sedang berhadapan dengan krisis memerlukan bantuan profesional dari segi pendidikan, psikologi, perubatan, undang-undang dan sokongan sebagai peranan dan perundingan (Kausyliene, CikataVICIENCE & Leliugiene, 2015). Justeru itu, kanak-kanak sememangnya memerlukan terapi bagi membantu menangani permasalahan emosi yang timbul ekoran daripada perpisahan ibu bapa mereka.

Kesan perceraian seterusnya merupakan masalah ekonomi (Mariam & Mohammad 2017). Masalah ini memberi kesan kepada anak-anak apabila sumber ekonomi menjadi terhad kerana sumber pendapatan hanya bergantung kepada ibu. Perkara ini memberi tekanan kepada anak-anak apabila mereka terpaksa bertukar sekolah dan bertukar tempat tinggal ke tempat yang baru. Seterusnya, tahap penyesuaian emosi ibu atau bapa juga mempengaruhi kesejahteraan anak-anak. Komitmen ibu bapa terhadap anak-anak menjadi kurang apabila ibu atau bapa sibuk dengan kerjaya dan tidak dapat meluangkan masa bersama. Tambahan pula, salah seorang di antara ibu atau bapa sahaja tinggal bersama dengan anak-anak dan mengambil tanggungjawab untuk menjaga anak-anak.

Kesan perceraian bukan sahaja dari segi masalah ekonomi tetapi kanak-kanak turut terkesan apabila kehilangan suri teladan dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini diketengahkan oleh Robert Hughes (2005) iaitu kesan perceraian menyebabkan kanak-kanak hilang suri teladan yang perlu dicontohi dalam keluarga. Keadaan ini akan menyebabkan kanak-kanak mengalami krisis identiti apabila meningkat dewasa. Menurut Teori Perkembangan Psikososial, kanak-kanak akan melalui sesi transisi iaitu kecelaruan identiti daripada zaman kanak-kanak kepada zaman remaja. Di samping itu, kesan perceraian bukan sahaja dalam

jangka masa pendek malah ianya turut memberi kesan dalam jangka masa panjang. Kajian yang dijalankan oleh Constancer (2007) menunjukkan walaupun perceraian ibu bapa telah berlaku 20 tahun yang lalu, namun responden turut menyatakan perceraian tersebut memberi tekanan kepada mereka semasa proses perkembangan daripada alam remaja sehingga ke peringkat dewasa. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman peribadi dan tekanan ekoran pengalaman perceraian ibu bapa boleh mempengaruhi masa hadapan anak-anak.

Selain itu, kesan perceraian ibu bapa juga boleh memberi impak semasa proses pembentukan personaliti dan perkembangan tingkah laku kanak-kanak sehingga ke peringkat dewasa. Berasaskan Teori Ekologi Manusia oleh Bronfenbrenner (1989), perceraian ibu bapa ini boleh memberi kesan terhadap tingkah laku kanak-kanak di peringkat mikro, meso dan makro. Seterusnya, perceraian juga dapat mempengaruhi interaksi kanak-kanak secara individu dalam keluarga, jiran tertangga, rakan sebaya dan tempat kerja. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini pengkaji berminat untuk meneroka apakah kesan psikososial yang dihadapi oleh kanak-kanak ekoran perceraian ibu bapa mereka.

## Metod

### Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan kriteria yang telah ditetapkan. Informan kajian yang dipilih dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu bagi menjawab persoalan kajian (Rozmi, 2013). Antara kriteria informan kajian ialah pengkaji memilih pekerja sosial yang berpengalaman sekurang-kurangnya dua tahun dalam menjalankan kes. Tempoh ini

mengikut saranan pengukuran pengalaman praktis kerja sosial seperti di dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu (Mohd Iqbal, Nur Saadah & Aizan, 2017). Tempoh pengalaman tersebut dipilih bagi mengukuhkan praktis pekerja sosial semasa menjalankan kes berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman pekerja sosial. Seramai sepuluh orang pekerja sosial yang terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada pembantu, penolong dan pegawai pembangunan masyarakat yang berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian ini dijalankan di kawasan Lembah Klang. Lokasi kajian ini dipilih kerana kadar perceraian di kawasan ini menunjukkan peningkatan setiap tahun. Oleh itu, kawasan ini adalah bersesuaian untuk dipilih sebagai tempat kajian ini dijalankan.

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan fenomenologi. Pengkaji menggunakan soalan berbentuk separa berstruktur dan terbuka. Bentuk soalan ini dipilih kerana dapat membantu informan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan lebih mendalam. Secara tidak langsung, bentuk soalan tersebut dapat membantu pengkaji menjalankan temu bual sehingga mencapai tahap tepu data. Data yang diperolehi ini akan membantu pengkaji menjawab persoalan kajian.

### Analisis Data

Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan analisis tematik. Pada peringkat *open coding*, pengkaji telah mengenal pasti frasa-frasa yang tertentu untuk di pilih di peringkat *select coding*. Seterusnya pengkaji membentuk tema-tema utama. Pada peringkat ini pengkaji menggunakan perisian Atlas.ti versi 8.

## Keputusan

### Latar belakang Informan

Kajian ini melibatkan sepuluh orang informan yang bekerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Data ringkasan informan ini diperolehi daripada temu bual yang dijalankan. Jadual 1 menerangkan maklumat informan kajian yang terlibat. Berdasarkan jadual tersebut, terdapat enam orang informan lelaki dan empat orang informan perempuan berumur di antara 31 tahun hingga 46 tahun pada hari temu bual di jalankan. Mereka menepati kriteria yang ditetapkan dan mempunyai pengalaman mengendalikan kes dengan kanak-kanak di antara lima tahun hingga 20 tahun. Jadual 1 adalah ringkasan informan kajian.

Jadual 1

*Ringkasan Informan Kajian (N=10)*

Bilangan Informan	Jantina	Umur (Tahun)	Pengalaman bersama kanak-kanak
Informan:1	Lelaki	35	5 tahun
Informan:2	Perempuan	32	8 tahun
Informan:3	Lelaki	32	5 tahun
Informan:4	Perempuan	36	6 tahun
Informan:5	Lelaki	33	6 tahun
Informan:6	Perempuan	32	5 tahun
Informan:7	Lelaki	46	20 tahun
Informan:8	Lelaki	34	10 tahun
Informan:9	Lelaki	31	10 tahun
Informan:10	Perempuan	45	20 tahun

### Kesan Psikososial daripada Perspektif Pekerja Sosial

Hasil kajian mendapati tiga kesan psikososial kanak-kanak mangsa perceraian iaitu kesan dari segi psikologi, perubahan tingkah laku dan kekurangan sumber kewangan. Jadual 2 menunjukkan ringkasan tema yang telah diperolehi daripada kesan psikososial.

Jadual 2

*Ringkasan Tema Kesan Psikososial*

Tema	Sub tema
Psikologi	i. Perasaan tertekan ii. Perasaan marah
Perubahan tingkah laku	i. Mencari perapatan atau sokong di luar ii. Perubahan tingkah laku negatif
Kekurangan sumber kewangan	i. Berhenti sekolah ii. Penglibatan dengan jenayah

### i) Psikologi

Daripada kacamata pekerja sosial iaitu informan kajian, kesan psikologi ini merangkumi perasaan tertekan dan perasaan marah dengan apa yang berlaku. Kanak-kanak yang berhadapan dengan perceraian ibu bapa mengalami perasaan ini kerana mereka menganggap perceraian ibu bapa perkara yang buruk dalam kehidupan mereka.

Perasaan tertekan merupakan salah satu kesan psikologi kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa. Informan menyatakan bahawa kanak-kanak yang berhadapan dengan perceraian ibu bapa sering kali tertekan dengan masalah tersebut. Kanak-kanak ini mengatakan bahawa ibu bapa mereka sering bergaduh di rumah menyebabkan mereka merasa tidak bahagia mempunyai ibu bapa yang sering bergaduh sehingga bercerai berbanding dengan keluarga orang lain dilihat lebih bahagia. Contohnya, Informan 10 memberitahu ada kanak-kanak mengatakan: “kenapa aku tengok mak bapak aku gaduh-gaduh, bercerai-cerai. Aku nampak mak bapak kawan aku bahagia je”.

Selain itu, tekanan perasaan ini bukan sahaja berlaku di rumah malahan di sekolah juga kanak-kanak menerima tekanan daripada rakan-rakan. Informan 1 menyatakan bahawa kanak-kanak menjadi bahan ejekan kawan-kawan di sekolah kerana ibu bapa mereka bercerai: “dekat sekolah mungkin menerima tekanan daripada ejekan kawan-kawan mengatakan weh ko dah tak ada ayah apa semua tu. Benda tu boleh beri tekanan kepada anak tu”. Secara tidak langsung, tekanan yang diterima ini boleh menyebabkan kanak-kanak mengalami kemurungan untuk menerima perubahan yang berlaku.

Keadaan ini mungkin disebabkan perubahan struktur keluarga mereka iaitu

daripada jenis keluarga asas (*nukleus*) kepada jenis keluarga induk tunggal. Sehubungan itu, kefungsiannya dan peranan bagi setiap ahli keluarga juga turut berubah. Contohnya, selepas bercerai ibu perlu mengambil alih tanggungjawab dan peranan bapa dalam keluarga. Secara tidak langsung, ibu tunggal merasa terbeban dengan peranan tersebut. Malahan keadaan ini turut memberi tekanan kepada kanak-kanak kerana ketiadaan sumber kewangan yang stabil dalam keluarga akibat kehilangan peranan bapa sebagai pencari nafkah. Informan 5 mengatakan “Masalah ibu tunggal ini apabila dia ada masalah kewangan kadang-kadang memberi tekanan dekat anak-anak kadang ada yang keluar dari rumah”. Hal ini menunjukkan bahawa masalah perceraian dalam keluarga bukan hanya memberi kesan terhadap tekanan perasaan tetapi juga membawa implikasi kewangan sehingga menyebabkan kanak-kanak lari dari rumah.

Manakala marah juga merupakan perasaan yang telah dikenal pasti dalam kesan psikologi. Informan 9 mengatakan ada sesetengah kanak-kanak menunjukkan perasaan marah terhadap ibu bapa mereka melalui tindakan seperti; “Kanak-kanak menunjukkan perasaan marah apabila ibu atau bapa ingin mendirikan rumah tangga lain dan keluar dari rumah”. Keadaan ini menyebabkan mereka bertindak drastik untuk meninggalkan rumah dan tidak mahu tinggal bersama ibu atau bapa lagi.

Perceraian ibu bapa juga telah menyebabkan mereka terpaksa berpisah dan tidak lagi tinggal bersama-sama di dalam satu rumah sebagai sebuah keluarga seperti dahulu. Perubahan struktur keluarga tersebut menyebabkan mereka marah apabila salah seorang ibu atau bapa ingin membina keluarga baru. Informan 1 turut memberitahu ada kanak-kanak menunjukkan tingkah laku negatif seperti memberontak. Mereka memberontak disebabkan ketiadaan bapa dalam

keluarga. Keluarga mereka tidak seperti dahulu lagi; selepas bercerai anak-anak ada macam memberontak, marah lah kan untuk terima macam dulu ada ayah tapi sekarang dah tak ada”.

Selain daripada memberontak, mereka juga menunjukkan tingkah laku memprotes. Informan 10 memberitahu sesetengah kanak-kanak ada menunjukkan tanda protes seperti; “dia mula macam kalau nak protes tu dia mula ponteng sekolah. Dia protes sebab apa yang berlaku tu ibu bapa bercerai dia protes, mungkin sebab dia kena balik ke kampung dia marah lah”. Antara faktor yang menyebabkan kanak-kanak memprotes ialah mereka terpaksa balik ke kampung dan terpaksa berpindah. Mereka merasakan dengan bertingkah laku negatif seperti ponteng sekolah boleh menampakkan mereka sedang marah. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak berkecenderungan untuk melanggar peraturan sekolah. Oleh itu, pihak sekolah dan guru kaunseling perlu memberi penekanan untuk membantu kanak-kanak supaya masalah ini dapat dikurangkan. Jika perasaan marah kanak-kanak ini tidak dibendung masalah tingkah laku akan berlaku secara berlarutan atau lebih teruk.

## ii) Perubahan Tingkah Laku

Kebanyakan informan bersetuju bahawa kanak-kanak daripada kalangan ibu bapa yang bercerai akan mencari perhatian di luar untuk mendapatkan kasih sayang. Perpisahan ibu bapa menyebabkan kehilangan kasih sayang daripada ibu atau bapa dan mereka tidak faham masalah yang timbul kepada ibu mereka selepas perceraian berlaku. Oleh itu, mereka sukar untuk menerima tindakan yang dilakukan oleh ibu mereka. Sebaliknya, ada kanak-kanak menyalahkan pihak ibu atau bapa yang menyebabkan perceraian tersebut berlaku. Informan 9 mengatakan, kanak-kanak akan mencari perhatian di luar bagi

memenuhi keperluan kasih sayang. Contohnya, mereka mencari kawan, teman lelaki atau teman perempuan untuk berkongsi cerita dan perasaan mereka.

*“tapi dalam masa yang sama anak-anak ni sebenarnya ingin mencari perhatian daripada.. tidak faham apa yang dilakukan oleh ibu dia keluar bekerja, dia akan cuba mencari perhatian di luar lah untuk memenuhi keperluan kasih sayang dia tu. Mereka akan cari kawan ataupun teman lelaki, teman wanita yang untuk mereka boleh berkongsi cerita, kasih sayang dan perasaan mereka la”*

Informan 10, turut mengulas perkara yang sama dilakukan oleh kanak-kanak bagi mendapatkan perhatian. Mereka mula keluar dari rumah untuk mencari teman yang berlainan jantina. Mereka memberikan alasan untuk mencari ketenangan kerana berasa tidak tenang dan bahagia apabila berada di rumah. Rentetan itu, mereka mula menjauhkan diri dari rumah dan mula rapat dengan kawan-kawan di luar. Secara tidak langsung, apabila mereka bergaul rapat dengan rakan sebaya, mereka mudah terlibat dengan perkara-perkara yang tidak bermoral seperti gejala sosial, hamil luar nikah dan menjadi kaki lepak seperti kenyataan yang dinyatakan oleh informan.

*“Keluar pada rumah dia akan mula mendekati kalau perempuan dia akan mula mendekati lelaki yang boleh beri perhatian dekat dia tu lah yang terjadinya terlibat dengan gejala sosial, kehamilan luar nikah, peleseran tak balik rumah tu dah jadi beyond control haa bermula lah tu bermula daripada faktor perceraian”.*

Seterusnya informan 10 mengulas lagi bahawa keluarga yang mengalami

pergolakan sebelum perceraian juga memberi kesan terhadap kesejahteraan anak-anak yang berada di rumah seperti; “faktor pergolakan keluarga kadang-kadang bukan bercerai lagi pun masih duduk serumah tapi kalau dah bergolak keluarga tu dah nampak dah kecenderungan anak tu dah nampak tanda-tanda anak tu macam anak tu tak bahagia tak selesa sebab rumah dah menolak dia seolah-olah hishh stres lah duduk dekat umah, panas lah dekat umah macam ini kan tu belum bercerai lagi tu macam tu selepas bercerai lagi nampak kecenderungan ke arah mana”. Perkara ini merupakan salah satu sebab kanak-kanak akan bertingkah laku sebaliknya bagi bertindak balas dengan apa yang mereka hadapi.

Informan turut mengatakan bahawa kanak-kanak sukar untuk menerima keadaan perceraian ibu bapa mereka kerana mereka tidak lagi memiliki sebuah keluarga yang bahagia dan perceraian telah mengubah kefungsiannya keluarga. Menurut informan 1, kanak-kanak lebih gemar mencari perhatian dari luar dan mereka lebih rapat dengan rakan sebaya berbanding dengan ibu atau bapa. Bagi mereka, dengan cara itu mereka dapat melepaskan tekanan. Oleh itu, mereka merasakan hanya rakan sebaya yang memahami perasaan dan kehendak mereka seperti; “dia nak releasekan stres dia tu kan haaa dia mula lah dengan pergaulan bebas dekat luar bercampur gaul dengan remaja yang ada dekat siber kafe ke..dia rasa remaja yang dekat luar tu boleh faham”.

Selain itu, menurut informan 8 pula apabila kanak-kanak lebih rapat dengan rakan sebaya berbanding ibu atau bapa, secara tidak langsungnya mereka ini mudah terlibat dengan masalah tingkah laku. Sebagai contohnya mereka terlibat dengan salah laku jenayah, penagihan dadah, hamil luar nikah atau kes rogol. Perkara ini berlaku ekoran daripada kurangnya pengawasan oleh ibu atau bapa.

*“Kesan seterusnya ha..tu lah masalah tingkahlaku la. Terlibat dengan jenayah, yang hamil luar nikah, yang penagihan dadah.. ha tu lah kesannya. Kebiasaannya kes yang diterima, kes yang melibatkan masalah tingkahlaku la daripada kanak-kanak yang bercerai ni. Sama ada luar kawal, terlibat dengan jenayah, bahaya moral. Bahaya moral ni terlibat contohnya aa.. yang hamil luar nikah ataupun pernah aa.. Rogol skop bawah umur..”*

### iii) Kekurangan Sumber Kewangan

Hasil daripada pengalaman informan kajian mendapati kanak-kanak yang berhadapan dengan masalah kekurangan sumber kewangan boleh menyebabkan mereka berhenti daripada meneruskan persekolahan. Malahan ada di antara mereka terjerumus dalam kancuh jenayah dan gejala sosial. Akibat daripada kekurangan sumber kewangan telah menyebabkan kanak-kanak ini dibesarkan dalam keadaan yang kurang memenuhi keperluan harian mereka sehingga mereka terpaksa berhenti sekolah. Lazimnya, keluarga yang mementingkan faktor pendidikan akan menghalang kanak-kanak untuk berhenti sekolah. Sebaliknya, keluarga yang tidak mementingkan faktor pendidikan tidak mengendahkan perkara ini berlaku dalam keluarga. Informan 4 mengulas bahawa terdapat juga di antara ibu atau bapa yang menyuruh anaknya berhenti sekolah seperti: “ada jugak yang berhenti sekolah katanya dah mula malas pergi sekolah suruh berhenti suruh bekerja tu lah”. Kenyataan ini menggambarkan keluarga kanak-kanak ini tidak mementingkan pendidikan sedangkan

pendidikan memberi impak yang besar dalam kualiti kehidupan manusia.

Selain itu, informan 9 turut menyatakan bahawa kanak-kanak yang berhadapan dengan perceraian ibu bapa ini mengalami keciciran dan penurunan akademik di sekolah. Tambahan pula, mereka menghadapi masalah kewangan seperti; “bagi yang sekolah menengah ni, terdapat juga kes mereka keciciran sekolah. Sama ada mereka tidak meneruskan pelajaran ataupun mereka punya tahap akademik menurun di sekolah. Tapi kebanyakan kes yang saya jumpa, yang saya kendalikan mereka telah berhenti sekolah apabila berlaku perceraian tersebut dengan alasan mempunyai masalah kewangan keluarga”. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kekurangan kewangan telah memberi implikasi kepada kanak-kanak untuk berhenti bersekolah. Keadaan ini menunjukkan perceraian memberi kesan dalam kehidupan kanak-kanak dalam jangka masa panjang.

Rentetan itu, kanak-kanak yang mempunyai masalah kekurangan sumber kewangan ini telah melibatkan diri mereka dengan jenayah. Mereka cuba mencari sumber kewangan sehingga menjerumuskan mereka ke jalan yang salah. Informan 7 menyatakan mereka mempunyai faktor sendiri yang positif untuk membantu keluarga. Ianya merupakan kesan positif daripada perceraian. Sebagai contohnya dalam salah satu kes kanak-kanak yang telah dikendalikan oleh informan, kanak-kanak tersebut melakukan kesalahan mencuri bagi memenuhi keinginan ibu dan adik-adik yang lain untuk memiliki baju raya yang baru. Namun begitu, walaupun kanak-kanak tersebut mempunyai niat yang baik tetapi perbuatan yang dilakukannya iaitu mencuri tetap merupakan satu kesalahan. Pernyataan ini disokong oleh Informan 7 “...so walaupun kita anggap dia punya itu adalah positif, sebab dia nak tolong keluarga tapi dia

mencuri satu kesalahan lah walaupun dia nak beli baju raya untuk mak dan adik-adik dia tapi apa yang dilakukan tu adalah salah”. Jelaslah bahawa kekurangan sumber kewangan boleh menjerumuskan kanak-kanak terhadap penglibatan dengan jenayah dan keganasan. Secara tidak langsung, kesan perceraian ibu bapa telah menyebabkan peningkatan kadar jenayah dalam kalangan remaja.

### **Perbincangan dan Cadangan**

Dapatan kajian dapat merumuskan kanak-kanak menghadapi kesan psikologi selepas ibu bapa mereka bercerai. Salah satu kesannya adalah kanak-kanak berhadapan dengan perasaan tertekan dan boleh mengakibatkan kemurungan selepas ibu bapa mereka bercerai. Perkara ini di sokong oleh Figen Elmaci (2006) menyatakan bahawa kanak-kanak mengalami kemurungan untuk menyesuaikan diri daripada perubahan struktur keluarga yang tidak bercerai kepada keluarga bercerai. Seterusnya dapatan kajian juga mendapati wujudnya perasaan marah dalam kalangan kanak-kanak terhadap perceraian ibu bapa. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh Bojuwoye dan Akpan (2009) menyatakan terdapat beberapa reaksi emosi kanak-kanak terhadap perceraian ibu bapa mereka iaitu terkejut, tidak percaya, sedih, marah, keliru, dan kehilangan. Reaksi emosi ini menunjukkan bahawa kanak-kanak sememangnya terkesan sehingga mengalami perubahan emosi apabila ibu bapa mereka bercerai.

Pengkaji juga mendapati bahawa kanak-kanak menunjukkan perubahan tingkah laku selepas berlaku perceraian. Dapatan ini disokong oleh kajian Norhayati dan Zaidah (2016) mendapati kanak-kanak yang tidak menunjukkan emosi mereka secara non verbal boleh menyebabkan mereka tertekan dan bertingkah laku negatif seperti ponteng sekolah, hilang perhatian semasa belajar di sekolah dan



melanggar peraturan sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak memerlukan intervensi bagi mengurangkan tekanan yang mereka hadapi. Kajian yang dijalankan oleh Siti Balqis, Siti Hajar, Jal Zabdi dan Noralina (2018) mencadangkan intervensi perlu dijalankan bagi meningkatkan pencapaian akademik dan kemahiran vokasional yang bertujuan untuk mengekalkan kanak-kanak di sekolah dan pencegahan terhadap masalah disiplin secara berterusan.

Seterusnya, perubahan tingkah laku kanak-kanak ini berlaku apabila mereka kurang mendapatkan perhatian, pemantauan dan penjagaan daripada ibu atau bapa serta seterusnya menyebabkan mereka terlibat dengan masalah tingkah laku. Kanak-kanak yang tidak dikawal dan kurang diberikan perhatian daripada ibu bapa menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gejala penyalahgunaan dadah, tidak menghormati ibu bapa, tidak mementingkan pendidikan dan mereka suka melepak (Azahar, Balan, Norhamidah, Siti Noor & Surianti, 2017). Kajian yang dijalankan oleh Azizi dan Rohaya (2010), turut menyatakan kanak-kanak yang mempunyai masalah di rumah akan mencari rakan sebaya untuk meluahkan masalah mereka. Keadaan ini berlaku kerana kanak-kanak yang kekurangan kasih sayang akan bertindak untuk mencari perhatian dan sokongan daripada luar terutamanya dalam kalangan rakan sebaya. Secara tidak langsung, pengaruh daripada pergaulan rakan sebaya boleh membentuk tingkah laku yang negatif seperti tingkah laku jenayah atau anti sosial kanak-kanak (Siti Balqis et al., 2018). Manakala kajian yang dijalankan oleh (Nor Jumawaton, Mariani, Zainal & Hanina, 2018) pula mendapati pengaruh rakan sebaya telah menyebabkan mereka cenderung untuk melibatkan diri dengan masalah tingkah laku seksual yang boleh menjurus ke arah kehamilan luar nikah.

Seterusnya, pengkaji mendapati kesan perceraian menyebabkan kanak-kanak

daripada keluarga bercerai mempunyai status ekonomi rendah yang disebabkan ketiadaan bapa dalam keluarga (Roepel & Bennett 2014). Antara peranan bapa adalah menjadi ketua keluarga untuk memenuhi tanggungjawab dalam menyediakan nafkah, keselamatan, kesejahteraan dan didikan kepada keluarga (Amla, Zahara, Zuria & Abd Aziz 2010). Selepas perceraian berlaku, tanggungjawab menjadi ketua keluarga diletakkan di bahu ibu tunggal. Oleh itu, ibu tunggal terpaksa mencari sumber kewangan bagi menampung keluarga dan berperanan sebagai ibu bapa terhadap anak-anak. Selain itu, kanak-kanak lelaki terpaksa mengambil alih peranan bapa untuk mencari sumber kewangan disebabkan ketiadaan bapa dalam keluarga. Perkara ini berlaku kerana persepsi peranan gender bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza. Peranan sosial bagi lelaki adalah menjadi seorang bapa, mencari nafkah dan pendapatan keluarga manakala peranan bagi perempuan pula adalah menjadi isteri, menguruskan rumah tangga dan berperanan sebagai ibu kepada anak-anak dalam institusi keluarga (Siti Halimah & Dg Hafizah, 2017). Oleh yang demikian, kanak-kanak lelaki lebih bertanggungjawab untuk memainkan peranan sosial sebagai seorang lelaki.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini melihat kesan psikososial perlu di beri penekanan yang khusus seperti kesan terhadap psikologi, perubahan tingkah laku dan kekurangan sumber kewangan. Pekerja sosial perlu mengambil inisiatif untuk membantu kanak-kanak bagi memastikan mereka mencapai kesejahteraan hidup yang terpelihara. Kesejahteraan kanak-kanak sering kali dikaitkan dengan kualiti hubungan ibu bapa dan kualiti hubungan anak bersama ibu bapa (Noralina 2016). Oleh itu, kualiti hubungan yang baik akan membantu kanak-kanak mendapatkan persekitaran

keluarga yang positif seperti keluarga harmoni, keluarga penyayang dan keluarga bahagia.

Kajian ini juga memberi implikasi kepada praktis kerja sosial. Secara tidak langsung, kajian ini dapat memberi panduan kepada pekerja sosial dalam menjalankan intervensi semasa menguruskan kes kanak-kanak. Dapatan kajian ini juga membolehkan pekerja sosial memainkan peranan mereka dalam membantu kanak-kanak dan ibu tunggal bagi meningkatkan kefungasian mereka dalam kehidupan seharian. Malah semua pihak juga harus memainkan peranan masing-masing agar mereka dapat keluar daripada krisis perceraian. Oleh yang demikian, isu psikososial yang muncul akibat perceraian ini perlu dipandang serius kerana boleh memberi kesan dalam jangka masa panjang terhadap kesejahteraan kanak-kanak sehingga peringkat dewasa.

### Rujukan

- Adi Fahrudin. (2002). Kod Etika Dalam Profesion Kerja Sosial: Satu Keperluan Dalam Konteks Malaysia, Persidangan Kebangsaan Etika Gunaan dan Profesional. Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia. 9-10 Oktober 2002.
- Azizi Yahaya & Rohaya Ahmad. (2010). Faktor-faktor penyebab masalah disiplin di sekolah. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Juriah @ Daing Junaidah Bachok. (2010). Perkaitan antara hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah bestari di daerah Pontian. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia & Universiti Teknologi Mara (Melaka).
- Azlina Mohd Kosnin & Suzila Mustapha. (2010). Kaitan antara faktor-faktor kekeluargaan dengan tingkah laku delikueni pelajar. Fakulti pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azahar Che Latiff, Balan Rathakrishnan, Norhamidah Jarimal @ Safri, Siti Noor Fazariah Suis @ Mohd Rusdy dan Surianti Lajuma. (2017). Perkaitan antara perapatan ibubapa dan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah di sabah. *Southeast Asia Psychology Journal*, 5: 12-21.
- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud & Abd Aziz Mahyuddin. 2010. Peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2):9-17.
- Bojuwoye, O & Akpan, O. (2009). Children`s reactions to divorce of parents. *The open family studies Journal*, 2: 75- 81.
- Constancer R. Ahrons. (2007). *Family ties after divorce : long term implications for children*. *Journal Family Process*, 46(1) : 53-65.
- Fadillah Ismail. (2016). Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke 11(PERKIM 11): 394-399 .
- Figen, E. (2006). The role of social support on depression and adjusment levels of adolescents having broken and unbroken

- families. *Journal Theory & Practice*, 6(2) : 421-431.
- Jamiah Manap, Nor Farhana Md Sharuddin, Raihana Sabrina Ahmad Halimi, 'Iffah 'Athirah Ilhami, Intan Ain Natashah Hussin, Khairunnisa Kamaruzaman, Nabilah Syazana Bahari, Siti Marziah Zakaria & Nuraimirah Zainun. (2018). Kahwin muda: Cabaran & Penyelesaian. E-Proceeding Tun Fatimah Hashim Women Lead Conference. Doi: <http://www.ukm.my/pkwtfh/wp-content/uploads/2018/11/17-Kahwin-Muda-Cabaran-Penyelesaian.pdf>
- Kausyliene, A., Cikataviciene, Z., & Leliugiene, L. (2015). The need of professional social support of the families undergoing divorce. *Social Welfare: Interdisciplinary Approach*, 1: 32-45.
- Maundeni, T.(2000). Children living in violent families: implications for social work in Botswana. *Botswana Journal of African Studies*, 14(2): 165-171.
- Mohamed sharif mustaffa dan Roslee Ahmad. (2003). Analisis Keperluan Kaunseling Terhadap Masalah Perceraian. Kajian Kes Kualitatif Di Jabatan Agama Islam Johor. Universiti Teknologi Malaysia. Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam 1-3 Mei 2003.
- Mohd Iqbal Haqim Mohd Nor, Nur Saadah Mohamad Aun & Aizan Sofia Amin. (2017). Challenges in case management of persons with mental disabilities in Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities Special Issue*, 3:13-24.
- Mariam abd Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. (2017). Perceraian Rumah Tangga Di Negeri Selangor Darul Ehsan Dan Pendekatan Menanganinya. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *E-jurnal penyelidikan dan inovasi*, 4(2): 285-303.
- Noralina Omar. (2016). Ekologi keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak miskin di Malaysia. Tesis. Fakulti sastera dan sains sosial Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Norhayati Zulkeflil dan Zaidah Mustapha. (2016). remaja daripada ibu bapa yang bercerai di malaysia: suatu penelitian ekspresi emosi. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 9: 150-160.
- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2018). Hubungan pengaruh rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. *Akademik*, 88 (2): 81-94.
- Othman Lebar.(2009).*Penyelidikan Kualitatif*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Peyton, L. (2010). Marital separation : Understanding and meeting the need of children. *Journal Child Care in Practice*, 16(2): 195-204.
- Robert Hughes, Jr. (2005). The Effect Of Divorce On Children. Department Of Human and Community Development. University of illinois at Urbana Champaign.
- Roslina Che Soh@Yusoff, Nurhidayah Muhammad Hashim dan Mohd Na'im Mokhtar. (2017). Bahagian

- sokongan keluarga membantu anak selepas perceraian: keberkesanan, cabaran dan perbandingan dengan amalan Negara maju. *Jurnal KANUN*,(2): 60 -89.
- Roeper, T & Bennett, N, G. 2014. *The Evolving Economic Consequences Of Divorce*. CUNY institute of Demographic research.
- Rozmi, I. 2013. *Metodologi Penyelidikan Teori Dan Praktis*. Penerbit : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Samuel Chan Hsin Chlen & Mohamed Sarif Mustaffa. (2008). Divorce in Malaysia. Seminar Kaunseling Keluarga (23- 28). Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Ruhani Mohd Yusoff. (2016) . Peranan sikap, pengetahuan dan amalan kewangan terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal. Tesis Ijazah Sarjana Sastera.
- Siti Halimah Putung & Dg Hafizah Ag Basir. (2017). Penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah tangga : kajian kes di sabah. *Jurnal Fiqh*, 14: 1-26.
- Siti Balqis Mohd Azam, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff dan Noralin Omar. (2018). Terapi pelbagai sistem untuk pemulihan kanak-kanak yang disabitkan dengan kesalahan jenayah: konsep, andaian, prinsip dan intervensi. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 13(1): 24-41.
- Siti Marziah Zakaria, Noremy Md Akhir, Nur Diyanah Hidayat & Nurul Shafini Shafurdin. (2018). Isu dan keperluan ibu tunggal di lembah klang kajian berbentuk kajian Kualitatif. E-proceeding Tun Fatimah Hashim Women Lead Conference, 4(4): 33-51.
- Wan Anor Wan Sulaiman & Risalshah Latif. (2014). Kaunseling Keluarga: Isu dan Cabaran. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Fakulti psikologi dan pendidikan.
- Wan Murni Binti Wan Moktar dan Anwar Fakhri Bin Omar. (2018). Analisis punca perceraian dalam kalangan remaja: kajian kes di kota baru 2010-2014. *Fikiran Masyarakat*, 6 (2):57-62.
- Zuria Mahmud, Yee Pek Yunn, Rafidah Aziz, Amla Salleh & Salleh Amat. (2011). Counseling children of divorce. *World Applied Sciences Journal (Learning Innovation and Intervention for Diverse Learners*, 14: 21-27.